

Sikap dan Minat Murid Orang Asli Terhadap Pembelajaran Peribahasa: Aplikasi Modul Rimba

Saliza Sahli^{1,*}, Norfaizah Abdul Jobar², and Nur Faaizah Md Adam²

¹SMK Bandar Tasek Putri, Malaysia

²Universiti Pendidikan Sultan Idris Perlis, Malaysia

*Corresponding author: saliza_sahli@yahoo.com

Received: 22nd March 2023; Revised: 22nd April 2023; Accepted: 1st June 2023

ABSTRACT

This study aims to identify the attitude and interest of Orang Asli students towards learning the topic of Malay Proverbs using the Rimba Module. The objective of this study is to identify the level of attitude and interest of Orang Asli students towards the topic of proverbs using the Rimba Module as well as to analyze the relationship between the attitude and interest of Orang Asli students towards the topic of proverbs using the Rimba Module. The design of this study is quantitative by using survey and correlation methods. The instrument used is a questionnaire that contains two parts, namely the attitude part and the interest part of Orang Asli students towards learning the topic of Malay proverbs using the Rimba Module. A total of 59 Orang Asli students from three primary schools from Kuala Langat were selected as a sample using intact group sampling. SPSS version 26.0 software was used to analyze descriptive data to obtain mean and standard deviation as well as inferential data analysis to obtain correlation values. The findings of the study show that the overall mean value for the level of attitude of Orang Asli students is 4.00 while the overall mean value for the level of interest of Orang Asli students is 4.21 indicating a more positive interest than the attitude of Orang Asli students towards learning the topic of Malay Proverbs using the Rimba Module. The Pearson correlation value (r) is 0.785 showing a strong relationship between the attitude and interest of Orang Asli students towards learning the topic of Malay Proverbs using the Rimba Module. Implications of the study to increase knowledge related to the attitude and interest of Orang Asli students in Kuala Langat to find solutions related to the problem of achievement of Orang Asli students in the mastery of Malay idioms. In conclusion, this study has an impact on the Orang Asli students in attracting interest and triggering a positive attitude in them to love Malay Proverbs in the classroom while upholding the Malay language as the national language.

Keywords: Attitudes, interests, Malay Proverbs, Orang Asli students, Rimba Module

1. PENGENALAN

Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk meningkatkan taraf hidup kaum Orang Asli supaya setanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia melalui pendidikan anak-anak mereka terutama dalam literasi bahasa. Hal ini diperkatakan demikian kerana anak-anak Orang Asli menguasai dan kompeten dalam dua bahasa asing iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris namun bahasa perantaraan mereka adalah berbeza mengikut etnik masing-masing (Ainol Hamidah Ahmad Sarimin & Saemah Rahman, 2018). Pendidikan anak-anak Orang Asli terutama dalam penguasaan bahasa Melayu sangat penting kerana bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras dan wajib dipelajari oleh semua warganegara Malaysia.

Menurut Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017), tujuan bahasa adalah untuk memperoleh maklumat, menyatakan pendapat, berhibur, menjalinkan hubungan, meluahkan perasaan dan berkomunikasi. Salah satu aspek seni bahasa dalam bahasa Melayu ialah peribahasa yang digunakan untuk meluahkan perasaan secara bersopan santun untuk menjaga hati pihak yang ditegur. Teguran yang berlapik ini akan mengelakkan berlakunya pertelingkahan dalam kalangan masyarakat dahulu. Oleh itu, budaya ini perlu diterapkan untuk menjaga keharmonian negara Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa dan agama.

Peribahasa adalah salah satu elemen penting dalam aspek seni bahasa yang telah dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Peribahasa perlu dipelajari sejak di bangku sekolah rendah lagi untuk memudahkan murid mengingat peribahasa tersebut sehingga peringkat yang lebih tinggi. Tambahan pula, bukan mudah untuk mengingat peribahasa apabila mereka tidak menggunakan dalam pertuturan seharian. Bukan itu sahaja, peribahasa juga telah dicemari dengan arus teknologi maklumat apabila maksudnya menjadi bahan lawak di media sosial sehingga sesetengah anak muda masa kini yang cetek ilmu pengetahuan berkaitan peribahasa Melayu menganggapnya adalah maksud yang sebenar peribahasa tersebut.

Penggunaan Modul Rimba dalam pembelajaran topik peribahasa ini bertujuan untuk menarik minat murid Orang Asli mempelajari topik peribahasa Melayu. Menurut Pham (2021), tahap sukatan pelajaran merujuk kepada pilihan isi kandungan yang disampaikan dan boleh mempengaruhi motivasi dengan tahap rasa ingin tahu dan minat yang ditimbulkan dalam diri murid tersebut. Pendekatan alam sekeliling iaitu hutan rimba yang dekat dengan kehidupan Orang Asli boleh memberi perubahan terhadap sikap dan minat mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu yang menjadi bahasa pengantaraan semua kaum yang ada di Malaysia. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga tidak mahu murid Orang Asli ketinggalan terutama dalam pencapaian bahasa Melayu dan perlu mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan kaum Orang Asli. Oleh itu, Orang Asli juga berpeluang untuk mendapatkan pencapaian yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu setanding dengan kaum yang lain.

Oleh hal yang demikian, kajian ini melibatkan seramai 59 orang murid Orang Asli daripada tiga buah sekolah rendah dari Kuala Langat, Selangor untuk mengetahui sikap dan minat mereka terhadap topik Peribahasa Melayu berjalan seiringan atau sebaliknya semasa mengaplikasikan Modul Rimba. Kemampuan Modul Rimba diaplikasikan dalam pembelajaran murid Orang Asli yang tinggal di sekitar Kuala Langat yang kian pesat membangun. Persoalannya, mampukan sikap dan minat mereka meningkat ke arah yang lebih positif untuk mempelajari topik Peribahasa Melayu atau sebaliknya?

2. PENYATAAN MASALAH

Hubungan antara sikap dan minat murid Orang Asli menjadi persoalan dalam kajian ini. Hal ini diperkatakan demikian kerana melalui sikap dan minat mereka boleh mencari jalan penyelesaian dalam meningkatkan pencapaian mereka terutama dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Kebanyakan kajian mengenai isu tersebut telah membuat kesimpulan bahawa sikap murid adalah bahagian penting dalam pembelajaran dan harus menjadi komponen penting kedua atau pedagogi pembelajaran bahasa asing (Getie, 2020). Bahasa Melayu perlu dikuasai oleh semua warganegara Malaysia kerana bahasa tersebut adalah bahasa yang digunakan dalam pertuturan seharian malah syarat wajib lulus untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Jika murid tidak lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu maka mereka tidak layak untuk memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perkara ini akan menyukarkan mereka untuk memperolehi pekerjaan di sektor awam dan swasta yang syarat utamanya adalah perlu ada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memohon sesuatu jawatan.

Sikap yang sentiasa negatif merupakan faktor penghalang kepada pemupukan minat mereka terhadap pembelajaran. Perkara ini perlu dibendung segera dengan pelbagai cara untuk menjaga kaum Orang Asli daripada terpinggir dengan kaum lain yang lebih ke hadapan berbanding mereka. Pencapaian murid Orang Asli semakin rendah berpunca daripada kadar keciciran yang tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kadar keciciran ini berlaku mungkin dari sikap murid seperti ponteng sekolah atau kelas dan faktor persekitaran yang menghalang mereka ke sekolah. Sikap ponteng sekolah atau kelas adalah sikap yang negatif dan perlu dibendung untuk mengelakkan pencapaian mereka semakin merudum. Perkara ini mengganggu dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membantu murid Orang Asli seiring dengan bangsa lain dalam bidang pendidikan untuk membantu mereka bersaing dalam sektor pekerjaan nanti. Faktor persekitaran seperti keadaan sekolah yang jauh atau kemiskinan keluarga menyebabkan murid Orang Asli tidak boleh ke sekolah perlu diberi perhatian oleh Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA) untuk mengurangkan kadar keciciran mereka.

Menurut kajian Khairul Nizam Mohamed Zuki dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017) penerimaan bahasa kedua perlu dinilai berdasarkan sikap, minat dan motivasi kanak-kanak terhadap pembelajaran bahasa kedua. Cabaran paling besar yang perlu dihadapi oleh guru bahasa Melayu ialah murid yang bahasa pertuturannya di rumah bukan menggunakan bahasa Melayu tetapi bahasa ibunda mereka. Bahasa Orang Asli dituturkan sebagai bahasa harian masyarakat yang menyebabkan bahasa kebangsaan tidak digunakan untuk tujuan sosial seharian (Angelo et al., 2022). Tambahan lagi, sekolah yang digazetkan untuk murid Orang Asli maka mereka akan bertemu dengan rakan yang menggunakan pertuturan bahasa ibunda mereka sendiri di sekolah.

3. TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sikap dan minat pembelajaran murid Orang Asli terhadap topik peribahasa di sekolah Orang Asli. Terdapat tiga objektif yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengetahui sikap pembelajaran murid Orang Asli terhadap topik peribahasa menggunakan Modul Rimba.
- ii. Mengetahui minat pembelajaran murid Orang Asli terhadap topik peribahasa menggunakan Modul Rimba.
- iii. Menganalisis perhubungan sikap dan minat murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa menggunakan Modul Rimba.

4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian bermula dengan masalah kajian, iaitu suatu isu yang seseorang ingin ketahui dengan lebih lanjut atau suatu situasi yang perlu diubah dan ditangani (Lee Keok Cheong et al., 2018). Persoalan kajian adalah untuk menjawab objektif yang telah dinyatakan seperti berikut:

- i. Adakah tahap sikap pembelajaran murid Orang Asli dalam topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba?
- ii. Adakah tahap minat pembelajaran murid Orang Asli dalam topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara sikap dan minat murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba?

5. METODOLOGI

Reka bentuk kuantitatif telah digunakan dengan kaedah tinjauan dan kaedah korelasi. Instrumen kajian ialah borang soal selidik untuk mengenal pasti sikap dan minat murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian sikap murid dan bahagian minat murid terhadap pembelajaran topik Peribahasa Melayu. Kajian ini telah dijalankan di PPD Kuala Langat yang melibatkan tiga buah sekolah rendah yang telah digazetkan untuk murid Orang Asli. Murid tahun tiga telah dipilih untuk terlibat dalam kajian ini atas faktor mereka mula mempelajari topik Peribahasa pada tahun tiga. Seramai 59 orang murid tahun tiga di tiga buah sekolah di PPD Kuala Langat dipilih secara *intach group*.

6. SOROTON KAJIAN

6.1 Sikap dan Minat dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Tay Meng Guat dan Wong Shia Ho (2016) menjalankan kajian bertajuk 'Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran bahasa Melayu: satu kajian kes'. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti sebab pelajar minat dan tidak minat terhadap pembelajaran bahasa Melayu di sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Jumlah sampel adalah seramai 16 orang daripada kelas Peralihan serta 67 orang dari Tingkatan satu dan dua. Hasil dapatan menjelaskan bahawa murid berminat dan mempunyai kesungguhan untuk mempelajari bahasa Melayu daripada kesedaran sebagai bahasa kebangsaan manakala selebihnya menyatakan kekangan yang dihadapi dalam mempelajari bahasa Melayu atas faktor berbeza dengan bahasa ibunda mereka. Selain itu, dapatan membuktikan bahawa pengaruh bahasa pertama menyebabkan mereka sukar mempelajari bahasa Melayu. Secara amnya, kajian ini dapat membantu menyokong kajian pengkaji terhadap murid Orang Asli. Namun begitu daripada pengamatan pengkaji, persekitaran dalam kajian ini tidak sama berbanding dengan persekitaran murid Orang Asli. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pengkaji terutama perspektif bukan penutur natif.

Mohd Uzir bin Zubir *et al.* (2018) menjalankan kajian bertajuk 'Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Melayu murid tingkatan satu (Junior one loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua'. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti tahap motivasi sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan mengetahui terdapat perbezaan motivasi yang signifikan antara jantina yang dikaji secara peratusan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Jumlah sampel yang terlibat adalah seramai 30 orang murid tingkatan satu di Junior One Loyalty (J1L). Hasil dapatan menjelaskan bahawa kesemua responden mempunyai sikap yang positif berbanding dengan motivasi. Selain itu, dapatan membuktikan responden sedar bahawa mata pelajaran bahasa Melayu adalah wajib dipelajari untuk melayakkan mereka ke peringkat institusi pendidikan yang lebih tinggi. Secara amnya, kajian ini menunjukkan responden sikap yang positif terhadap mata pelajaran bahasa Melayu walaupun bukan bahasa pertuturan utama mereka. Namun begitu daripada pengamatan pengkaji, kajian ini perlu dilaksanakan secara berfokus terhadap topik yang ada dalam mata pelajaran bahasa Melayu tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pengkaji untuk memahami tahap sikap dan motivasi murid bukan penutur natif ini.

Mohammad Syawal Narawi *et al.* (2021) menjalankan kajian 'Tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu responden peranakan Pakistan: pengaruh minat, sikap, motivasi dan persekitaran'. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti tentang pengaruh minat, sikap, motivasi dan persekitaran terhadap penguasaan kefahaman bahasa Melayu responden. Kajian ini menggunakan rekabentuk kuantitatif dan kualitatif. Jumlah sampel kajian adalah enam orang responden peranakan Pakistan. Hasil dapatan menjelaskan minat, sikap, motivasi dan faktor persekitaran berkait rapat dalam mempengaruhi tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu

responden. Secara amnya, masalah utama responden adalah daripada bahasa ibunda mereka. Namun begitu daripada pengamatan pengkaji, responden tidak dinyatakan daripada tingkatan berapa kerana lain tahap berbeza pengetahuan mereka terhadap mata pelajaran bahasa melayu. Walau bagaimanapun, kajian ini membantu pengkaji untuk mengenali sikap dan minat bukan penutur natif.

6.2 Isu Pengajaran dan Pembelajaran topik Peribahasa

Mohd Ridzuan Md Nasir (2017) menjalankan kajian 'Penguasaan peribahasa dan makna menggunakan Pisatum: satu kajian tindakan'. Objektif kajian ini untuk memperkenalkan Pisatum sebagai satu kaedah baharu untuk belajar peribahasa. Kajian ini dijalankan secara kaedah pemerhatian, ujian pra dan pos serta temu bual berkelompok. Jumlah sampel kajian adalah seramai 41 orang murid tingkatan satu Cepak. Hasil dapatan kajian menunjukkan model permainan pendidikan dapat meningkatkan penguasaan murid dalam topik peribahasa. Secara amnya, kajian ini memberikan waktu murid bermain sambil belajar peribahasa. Namun begitu daripada pengamatan pengkaji responden mesti dipelbagaikan daripada tingkatan yang berbeza untuk mengetahui tahap pengetahuan mereka setelah menggunakan Pisatum ini setiap tahun. . Walau bagaimanapun, kajian ini boleh menjadi rujukan sandaran kepada tahap pengetahuan murid tingkatan satu dalam peribahasa.

Shaline Sanmugam dan Alizah Lambri (2021) menjalankan kajian 'Keberkesanan strategi pembelajaran peribahasa bahasa Melayu menggunakan bahan multimodal'. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti keberkesanan strategi yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pengajaran peribahasa di sekolah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan kaedah kajian kes. Jumlah sampel kajian yang terlibat ialah tiga orang guru bahasa Melayu sekolah menengah yang dipilih secara bertujuan dan 80 orang murid mereka. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua strategi yang digunakan oleh guru untuk mengajar peribahasa bahasa Melayu iaitu strategi berpusatkan guru dan strategi berpusatkan murid menggunakan bahan multimodal. Selain itu, bahan multimodal kerap digunakan dalam pembelajaran peribahasa seperti bahan visual, auditori dan kinestetik. Secara amnya, kajian ini mencetuskan sesuatu kaedah pembelajaran yang kreatif untuk diterapkan dalam pembelajaran guru. Namun begitu daripada pengamatan pengkaji, kajian ini tidak menyatakan pengalaman guru mengajar dan murid berada di tingkatan berapa. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh menjadi rujukan untuk mengetahui kaedah pembelajaran yang sesuai untuk memberikan sikap yang positif, meningkatkan motivasi dan pencapaian murid Orang Asli nanti.

Suradi Hassan et al. (2021) menjalankan kajian 'Penerokaan potensi Modul Permainan Peribahasa ADDIE terhadap penguasaan penulisan rumusan dalam talian *Google Meet* dan e-mel'. Objektif kajian adalah meneliti kewujudan bentuk komunikasi antara guru dengan murid ketika penggunaan Modul Permainan Peribahasa ADDIE dalam talian *Google Meet* dan e-mel, meneroka potensi penggunaan Modul Permainan Peribahasa ADDIE terhadap penguasaan aspek seni bahasa penulisan rumusan serta meneroka maklum balas murid terhadap penggunaan Modul Permainan Peribahasa ADDIE, talian *Google Meet* dan penghantaran tugas melalui e-mel. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah pemerhatian, temu bual separa struktur dan analisis dokumen. Jumlah sampel yang terlibat adalah seramai 35 orang murid tahun lima berpencapaian sederhana di sebuah sekolah rendah di Selangor dipilih sebagai peserta kajian manakala enam orang murid pula dipilih untuk ditemu bual. Hasil dapatan menjelaskan bahawa komunikasi dua hala antara guru dan murid telah berlangsung dengan baik. Selain itu dapatan membuktikan analisis penghantaran latihan melalui e-mel menunjukkan terdapat perubahan positif terhadap aspek seni bahasa dalam penulisan rumusan. Secara amnya, kajian ini memberi gambaran bahawa murid-murid menerima perubahan cara pembelajaran semasa pandemik Covid-19. Namun begitu daripada pengamatan pengkaji perbandingan responden daripada aras yang berbeza perlu dilaksanakan untuk melihat faktor motivasi mereka terhadap penerimaan pembelajaran menggunakan *Google Meet* dan e-mel. Walau bagaimanapun,

kajian ini boleh menjadi sumber rujukan dan panduan awal berkaitan dengan komunikasi dan potensi murid apabila melaksanakan pembelajaran secara *Google Meet* serta e-mel berbanding dengan secara bersemuka.

6.3 Pengenalan kepada Modul Rimba

Nur Bahiyah Abdul Wahab *et al.* (2019) menjalankan kajian bertajuk 'Kebolehgunaan Kit RIMBA bagi penerapan elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) dalam kalangan murid Orang Asli'. Objektif kajian ini untuk menilai kebolehgunaan Kit RIMBA bagi penerapan elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) dalam kalangan murid Orang Asli. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan soal selidik kebolehgunaan instrumen Kit RIMBA. Jumlah sampel kajian adalah seramai 30 orang murid Orang Asli sekitar Johor. Hasil dapatan menjelaskan bahawa tahap kesahan kebolehgunaan Kit RIMBA adalah tinggi iaitu 96.67 peratus. Selain itu dapatan membuktikan Kit Rimba berjaya mencapai objektif pembangunannya. Secara amnya, kajian ini menyumbang kepada satu modul pedagogi yang boleh menjadi rujukan kepada guru-guru Sekolah Asli dan pihak yang terlibat dalam meningkatkan pengetahuan murid Orang Asli di Malaysia. Namun begitu daripada pengamatan pengkaji, modul tersebut hanya berfokus kepada mata pelajaran Sains sahaja tanpa melibatkan mata pelajaran lain yang pencapaiannya kritikal dalam kalangan murid Orang Asli. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh menjadi panduan kepada pengkaji terutama isi kandungan modul yang dihasilkan kerana dapat membantu murid Orang Asli yang masih tinggal di kawasan pedalaman.

Alia Nordin Nordina dan Norwaliza Abdul Wahab (2021) menjalankan kajian bertajuk kertas 'Konsep pembangunan Modul Sekolah Rimba berasaskan pengetahuan peribumi bagi mengekalkan kelestarian masyarakat Orang Asli'. Objektif kajian ini adalah memudahkan kefahaman murid Orang Asli semasa proses pengajaran dan pembelajaran menerusi Sekolah Rimba yang berasaskan persekitaran luar bilik darjah. Kajian ini mengaplikasikan teori fungsionalisme, teori interaksionisme simbolik dan teori empirisme. Hasil dapatan menjelaskan bahawa modul ini dapat memberi impak kepada peningkatan minat dan motivasi serta penguasaan terhadap mata pelajaran yang diberi penekanan dalam Modul Rimba. Selain itu, dapatan memberi impak baik kepada kelestarian pengetahuan murid Orang Asli kerana mendekatkan diri mereka dengan alam sekeliling yang mendasari kehidupan mereka sejak lahir. Secara amnya, kajian ini sangat baik kerana membantu kaum Orang Asli meningkatkan tahap pendidikan mereka. Namun begitu daripada pengamatan pengkaji modul ini perlu ditambah baik untuk kegunaan semua Orang Asli dalam Malaysia kerana kawasan tempat tinggal Orang Asli ada yang telah dibangunkan maka elemen alam sekeliling yang hendak digunakan dalam Modul Rimba tersebut banyak yang telah musnah. Namun begitu daripada pengamatan pengkaji, kajian ini sangat baik terutama kepada murid Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengetahui salah satu bahan bantu mengajar yang boleh digunakan untuk menarik minat murid Orang Asli terhadap empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

7. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah menunjukkan dapatan berkaitan dengan tahap sikap dan tahap minat murid Orang Asli terhadap pembelajaran Peribahasa Melayu. Dapatan kajian ini telah menggunakan jadual interpretasi skor daripada Nunally & Bernstein (1994) untuk menyokong dapatan.

Jadual 1 Interpretasi Skor

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.10 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally & Bernstein, (1994)

Jadual 2 Tahap Sikap Murid Orang Asli Terhadap Pembelajaran Topik Peribahasa Menggunakan Modul Rimba

Bil.	Item	Min	SP	Interpretasi
1	Topik Peribahasa menarik minat saya.	4.32	0.706	Tinggi
2	Topik Peribahasa bahasa Melayu membuatkan saya berfikir.	4.46	0.567	Tinggi
3	Topik Peribahasa bahasa Melayu menjadikan saya sebagai individu yang lebih baik.	4.36	0.609	Tinggi
4	Topik Peribahasa bahasa Melayu sepatutnya diberikan masa yang lebih panjang lagi.	4.08	0.816	Tinggi
5	Saya yakin pengetahuan tentang Peribahasa bahasa Melayu membantu saya mendapat markah bahasa Melayu yang baik.	4.20	0.581	Tinggi
6	Saya suka guru yang mengajar topik Peribahasa bahasa Melayu.	4.47	0.568	Tinggi
7	Saya suka menjawab soalan Peribahasa secara individu.	3.39	0.871	Sederhana tinggi
8	Saya suka menjawab soalan Peribahasa secara berkumpulan.	4.05	0.860	Tinggi
9	Saya berasa topik Peribahasa adalah topik yang mudah.	3.95	0.918	Sederhana tinggi
10	Saya berazam untuk mendapat markah yang baik dalam topik Peribahasa.	3.88	1.035	Sederhana tinggi
11	Saya suka pengajaran dan pembelajaran topik Peribahasa kerana kaedah mengajar guru yang menarik.	4.31	0.623	Tinggi
12	Saya mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran guru.	4.02	1.008	Tinggi
13	Saya ingin mempelajari topik Peribahasa dengan lebih mendalam.	4.15	0.784	Tinggi
14	Saya sentiasa melengkapkan nota topik Peribahasa.	3.85	1.064	Sederhana tinggi
15	Saya suka belajar topik Peribahasa di luar kelas.	3.47	1.006	Sederhana tinggi
16	Saya suka apabila guru menunjukkan contoh yang berkaitan dengan topik Peribahasa.	3.98	1.058	Sederhana tinggi
17	Saya boleh membandingkan topik Peribahasa bahasa Melayu dan Peribahasa Orang Asli.	3.42	1.117	Sederhana tinggi
18	Saya boleh mengenal pasti Peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar.	4.02	0.956	Tinggi

19	Saya boleh menggunakan Peribahasa dalam karangan.	3.39	1.175	Sederhana tinggi
20	Saya akan berasa kecewa jika saya tidak menghadiri kelas pengajaran dan pembelajaran topik Peribahasa.	4.25	0.822	Tinggi
Min Keseluruhan		4.00	0.857	Sederhana tinggi

Jadual 3 menunjukkan tahap sikap murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba. Kebanyakan item menunjukkan interpretasi skor tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa murid mempunyai sikap yang positif tetapi pada tahap yang sederhana. Mereka perlu dirangsang untuk memupuk sikap yang positif di dalam pembelajaran topik peribahasa. Dapatan interpretasi skor min yang paling rendah adalah 3.39 iaitu item tujuh 'Saya suka menjawab soalan Peribahasa secara individu' serta item 19 'Saya boleh menggunakan Peribahasa dalam karangan'. Seterusnya, nilai skor min yang paling tinggi adalah 4.47 iaitu item enam 'Saya suka guru yang mengajar topik Peribahasa bahasa Melayu'.

Rumusan dapatan berdasarkan interpretasi min keseluruhan yang sederhana tinggi untuk tahap sikap murid Orang Asli tahun tiga terhadap pembelajaran topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba di sekolah rendah di bawah PPD Kuala Langat adalah seperti berikut:

1. Murid berasa topik Peribahasa adalah topik yang mudah.
2. Murid berazam untuk mendapat markah yang baik dalam topik Peribahasa.
3. Murid sentiasa melengkapkan nota topik Peribahasa.
4. Murid suka belajar topik Peribahasa di luar kelas.
5. Murid suka apabila guru menunjukkan contoh yang berkaitan dengan topik Peribahasa.
6. Murid boleh membandingkan topik Peribahasa bahasa Melayu dan Peribahasa Orang Asli.

Seterusnya, rumusan dapatan berdasarkan interpretasi min keseluruhan yang tinggi untuk tahap sikap murid Orang Asli tahun tiga terhadap pembelajaran topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba adalah seperti berikut:

1. Topik Peribahasa menarik minat murid.
2. Topik Peribahasa bahasa Melayu membuatkan murid berfikir.
3. Topik Peribahasa bahasa Melayu menjadikan murid sebagai individu yang lebih baik.
4. Topik Peribahasa bahasa Melayu sepatutnya diberikan masa yang lebih panjang lagi.
5. Murid yakin pengetahuan tentang Peribahasa bahasa Melayu membantu saya mendapat markah bahasa Melayu yang baik.
6. Murid suka menjawab soalan Peribahasa secara berkumpulan.
7. Murid suka pengajaran dan pembelajaran topik Peribahasa kerana kaedah mengajar guru yang menarik.
8. Murid mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran guru.
9. Murid ingin mempelajari topik Peribahasa dengan lebih mendalam.
10. Murid boleh mengenal pasti Peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar.
11. Murid akan berasa kecewa jika saya tidak menghadiri kelas pengajaran dan pembelajaran topik Peribahasa.

Menurut Nancy anak Ngumbang dan Zamri Mahamod (2017) sikap adalah kesediaan mental secara semula jadi yang tersusun melalui pengalaman dan mempunyai pengaruh yang dinamik terhadap tindak balas seseorang. Hal ini menunjukkan sikap murid Orang Asli sangat positif untuk mempelajari topik Peribahasa. Maka, mereka murid yang ingin mempelajari sesuatu perkara yang baharu tanpa ada sikap prejudis terhadap sesuatu ilmu. Sebagai seorang guru yang telah diajar dengan pedagogi yang baik semasa di Institut Pengajian Tinggi, kita perlulah

mengaplikasikan pedagogi yang sesuai dengan murid Orang Asli ini untuk membantu mereka meningkatkan tahap prestasi mereka dalam peperiksaan awam.

Jadual 3 Tahap Minat Murid Orang Asli Terhadap Pembelajaran Topik Peribahasa Menggunakan Modul Rimba

Bil.	Item	Min	SP	Interpretasi
1	Saya suka belajar topik Peribahasa.	4.41	0.591	Tinggi
2	Saya amat gembira kerana berpeluang mempelajari topik Peribahasa.	4.39	0.558	Tinggi
3	Saya mengenali nama haiwan dan tumbuhan dalam topik Peribahasa.	4.36	0.517	Tinggi
4	Kehidupan saya lebih baik apabila mempelajari topik Peribahasa.	4.19	0.861	Tinggi
5	Pembelajaran dan pengajaran topik Peribahasa memberi peluang kepada saya untuk membuat latihan dalam kumpulan.	4.27	0.784	Tinggi
6	Aktiviti-aktiviti yang disertakan membantu saya memahami topik Peribahasa.	4.31	0.676	Tinggi
7	Pembelajaran dan pengajaran guru membantu saya menjawab soalan Peribahasa.	4.27	0.739	Tinggi
8	Topik Peribahasa ini penting dalam penulisan karangan saya.	4.03	0.694	Tinggi
9	Aktiviti yang dilaksanakan oleh guru tidak membosankan.	4.44	0.565	Tinggi
10	Saya suka aktiviti yang saya lakukan sendiri di dalam kelas ketika belajar topik Peribahasa.	4.12	0.745	Tinggi
11	Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk belajar topik Peribahasa bahasa Melayu.	4.32	0.797	Tinggi
12	Aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran guru memberikan kepuasan kepada diri saya.	3.92	0.772	Sederhana tinggi
13	Saya sentiasa membuat persiapan awal sebelum mempelajari topik Peribahasa.	3.81	0.900	Sederhana tinggi
14	Penulisan karangan saya lebih menarik jika saya menggunakan Peribahasa.	4.15	0.690	Tinggi
15	Saya mengambil bahagian secara aktif di dalam kelas apabila guru mengajar topik Peribahasa.	4.15	0.997	Tinggi
Min Keseluruhan		4.21	0.726	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan tahap minat murid Orang Asli terhadap pembelajaran guru dalam topik Peribahasa menggunakan Modul Rimba. Dapatan interpretasi skor untuk item minat yang menunjukkan min skor paling rendah adalah 3.81 iaitu item 13 'Saya sentiasa membuat persiapan awal sebelum mempelajari topik Peribahasa' manakala min skor paling tinggi adalah 4.44 iaitu item sembilan 'Aktiviti yang dilaksanakan oleh guru tidak membosankan'.

Rumusan dapatan berdasarkan interpretasi min keseluruhan yang sederhana tinggi untuk tahap minat murid Orang Asli tahun tiga terhadap pembelajaran topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba di sekolah rendah di bawah PPD Kuala Langat adalah seperti berikut:

1. Aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran guru memberikan kepuasan kepada diri saya.

Seterusnya, rumusan dapatan berdasarkan interpretasi min keseluruhan yang tinggi untuk tahap minat Orang Asli tahun tiga terhadap pembelajaran topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba adalah seperti berikut:

1. Murid suka belajar topik Peribahasa.
2. Murid amat gembira kerana berpeluang mempelajari topik Peribahasa.
3. Murid mengenali nama haiwan dan tumbuhan dalam topik Peribahasa.
4. Kehidupan murid lebih baik apabila mempelajari topik Peribahasa.
5. Pembelajaran dan pengajaran topik Peribahasa memberi peluang kepada murid untuk membuat latihan dalam kumpulan.
6. Aktiviti-aktiviti yang disertakan membantu murid memahami topik Peribahasa.
7. Pembelajaran dan pengajaran guru membantu murid menjawab soalan Peribahasa.
8. Topik Peribahasa ini penting dalam penulisan karangan murid.
9. Murid suka aktiviti yang mereka lakukan sendiri di dalam kelas ketika belajar topik Peribahasa.
10. Murid bersyukur kerana diberi peluang untuk belajar topik Peribahasa bahasa Melayu.
11. Penulisan karangan murid lebih menarik jika saya menggunakan Peribahasa.
12. Murid mengambil bahagian secara aktif di dalam kelas apabila guru mengajar topik Peribahasa.

Item yang mendapat interpretasi min yang tinggi menunjukkan murid sangat berminat untuk belajar topik Peribahasa apabila mereka boleh meneroka sendiri sesuatu topik tersebut dengan alam sekeliling mereka tanpa terikat dengan keadaan di bilik darjah yang menghalang mereka berfikir untuk mencari jawapan terhadap Peribahasa Melayu tersebut. Menurut Nur Bahiyah Abdul Wahab *et al.* (2019) modul ini memberi pendekatan terhadap pembelajaran luar bilik darjah yang lebih bersifat alami dan praktikal dengan menggunakan hutan sebagai bahan pembelajaran. Kaedah pengajaran ini akan memberikan keselesaan kepada murid Orang Asli berbanding duduk di dalam kelas kerana mereka bebas untuk melakukan aktiviti dalam kumpulan yang telah ditetapkan dan dibimbing oleh guru untuk mereka mudah faham dalam topik Peribahasa.

Jadual 4 Kekuatan hubungan mengikut nilai korelasi

Pekali Korelasi (<i>r</i>)	Kekuatan Korelasi (hubungan)
0.91 hingga 1	Sangat kuat
0.71 hingga 0.9	Kuat
0.51 hingga 0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.5	Lemah
0.1 hingga 0.30	Sangat Lemah
0	Tiada korelasi

Jadual 5 Pekali korelasi sikap dan minat murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba

Pembolehubah		Minat
Sikap	<i>r</i> 0.785	<i>p</i> 0.000

r = korelasi Pearson

p = signifikan

*signifikan 2 hala $p < 0.05$

Jadual 4 menunjukkan kekuatan hubungan mengikut nilai korelasi yang digunakan untuk mengulas Jadual 5 berkaitan pekali korelasi sikap dan minat murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa menggunakan Modul Rimba. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terhadap hubungan yang positif antara sikap dan minat murid Orang Asli dengan nilai Pearson r ($n = 59$, $p = 0.000$) = 0.785, $p < 0.05$. Nilai p adalah 0.000 menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara sikap dan minat murid Orang Asli terhadap pembelajaran topik peribahasa menggunakan Modul Rimba. Nilai r adalah 0.785 menunjukkan hubungan antara sikap dan minat adalah positif dan pada tahap yang kuat. Hal ini menunjukkan sikap dan minat mempunyai hubungan terhadap pembelajaran topik Peribahasa menggunakan Modul Rimba. Kajian yang dijalankan oleh Noor Hanim binti Harun et al. (2020) menyatakan pembelajaran untuk murid Orang Asli perlulah menyeronokkan, santai, mempunyai aktiviti lakonan, bercerita dan bermain dapat menarik minat murid.

8. KESIMPULAN

Pencapaian murid Orang Asli terutama dalam bahasa Melayu menjadi keutamaan kerana telah dinyatakan dengan jelas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Sikap dan minat murid Orang Asli perlu diberikan keutamaan untuk membina alat bantu mengajar yang dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran topik Peribahasa. Perkara yang tidak boleh diabaikan adalah perlu selaras dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang menjadi landasan kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Jelaslah bahawa alat bantu mengajar yang baik mestilah mampu menarik minat murid Orang Asli dalam mempelajari topik Peribahasa dan diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya pencapaian murid Orang Asli meningkat dalam penilaian formatif dan sumatif yang sentiasa akan dilaksanakan sepanjang persekolahan mereka.

Oleh itu, sikap menunjukkan min keseluruhan sederhana tinggi berbanding minat menunjukkan min keseluruhan yang tinggi terhadap pembelajaran topik Peribahasa Melayu menggunakan Modul Rimba. Hal ini menunjukkan bahawa murid Orang Asli sangat seronok apabila mengaplikasikan Modul Rimba semasa belajar topik Peribahasa Melayu sehingga sikap mereka juga berubah ke arah ingin tahu sesuatu Peribahasa Melayu yang dipelajari. Kesimpulannya, pekali korelasi menunjukkan sikap dan minat mempunyai hubungan yang positif maka objektif tercapai apabila mengaplikasikan Modul Rimba ini.

RUJUKAN

- Ainol Hamidah Ahmad Sarimin, & Saemah Rahman. (2018). Persepsi Murid Orang Asli Terhadap Kurikulum. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan, April*, 105–124.
- Alia Nordin Nordina, & Norwaliza Abdul Wahab. (2021). Kertas Konsep Pembangunan Modul Sekolah Rimba Berasaskan Pengetahuan Peribumi Bagi Mengekalkan Kelestarian Masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan, 1*, 10–21.

- Angelo, D., Disbray, S., Singer, R., O'Shannessy, C., Simpson, J., Smith, H., Meek, B., & Wigglesworth, G. (2022). Learning (in) indigenous languages: Common ground, diverse pathways. *OECD Education Working Papers*, 278, 0_1,1-4,7-106. https://www.proquest.com/working-papers/learning-indigenous-languages-common-ground/docview/2714937471/se-2?accountid=15292%0Ahttps://bibcercador.uab.cat/openurl/34CSUC_UAB/34CSUC_UAB:VU1?genre=article&atitle=Learning+%28in%29+indigenous+languages%3A+Common.
- Getie, A. S. (2020). Factors affecting the attitudes of students towards learning English as a foreign language. *Cogent Education*, 7(1). <https://doi.org/10.1080/2331186X.2020.1738184>.
- Jum C. Nunnally, & Ira H. Bernstein. (1994). *Psychometric theory*. McGraw Hill.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025. *Pendidikan*, 27(1), 1-268. <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Sikap Dan Motivasi Murid Bajau Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)*, 7(1), 24-33.
- Lee Keok Cheong, Zakri Abdullah, & Chua Lay Nee. (2018). *Penyelidikan dalam Pendidikan*.
- Mohammad Syawal Narawi, Mardzelah Makhsin, & Nor Hasimah Ismail. (2021). the Stage of Understanding Malay Language of the Pakistani Students: the Influence of Interest, Character, Motivation and Surrounding Factor. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(42), 345-363. <https://doi.org/10.35631/ijepc.642028>.
- Mohd Ridzuan Md Nasir. (2017). Penguasaan Peribahasa dan Makna Menggunakan Pisatum : Satu Kajian Tindakan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pedagogi Ke-8 (PEDA8) 2017*, 1, 385-390.
- Mohd Uzir bin Zubir, Rohaidah Kamaruddin, & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Motivasi Dan Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Tingkatan Satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang*, 3, 82-91.
- Nancy anak Ngumbang, & Zamri Mahamod. (2017). Sikap, minat dan motivasi murid Melanau dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jour of Adv Research in Dynamical & Control Systems*, 10(12), 47-58.
- Noor Hanim binti Harun, Mohd Nazri Abdul Rahman, Mohammad Asyraf Mansor, & Nor Asiah Muhamad. (2020). Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Kreativiti Orang Asli dalam Meningkatkan Kecerdasan Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 2289-9669.
- Nur Bahiyah Abdul Wahab, Najib Haron, & Che Lah Che Mamat. (2019). Kebolegunaan Kit RIMBA bagi Penerapan Elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) dalam kalangan Murid Orang Asli. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, 2(1). <https://www.jerisjournal.com/>.
- Pham, T. (2021). Attitude and Motivation in Language Learning: A Review. *Journal of English Language Teaching and Applied Linguistics*, 3(5), 64-72. <https://doi.org/10.32996/jeltal.2021.3.5.7>.
- Shaline Sanmugam, & Alizah Lambri. (2021). KEBERKESANAN STRATEGI PEMBELAJARAN PERIBAHASA BAHASA MELAYU MENGGUNAKAN BAHAN MULTIMODAL (The Effectiveness of Malay Language Proverb Learning Strategy Using Multimodal Material). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)*, 11(2), 80-87.
- Suradi Hassan, Marzni Mohamed Mokhtar, Shamsudin Othman, & Azhar Md Sabil. (2021). Penerokaan Potensi Modul Permainan Peribahasa ADDIE terhadap Penguasaan Penulisan Rumusan dalam Talian Google Meet dan e-mel. *Jurnal Sains Sosial Dan ...*, 2(1), 86-98. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jossted/article/view/15187%0Ahttps://myjms.mohe.gov.my/index.php/jossted/article/download/15187/7816>.
- Tay Meng Guat, & Wong Shia Ho. (2016). Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran bahasa Melayu: Satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan IPG BL*, 13, 53-63.